

# FAKTOR-FAKTOR PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SMK BUKIT ASSEK SIBU

MADIAH ANAK ANSI

LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(SOSIOLOGI PENDIDIKAN)  
MOD KERJA KURSUS

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اوتورستى قنديديقن سلطان لادرس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) DISEMBER (bulan) 2014

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, MADIAH ANAK ANSI M20131000135 FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SMK BUKIT ASSEK SIBU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DATO' DR. HJ. ABD. LATIF BIN HJ. GAPOR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SMK BUKIT ASSEK SIBU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



## PENGAKUAN

“Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumber-sumbernya”

12 DISEMBER 2014

Tandatangan:



Nama : MADIAH ANAK ANSI

No. Matrik : M20131000135



## PENGHARGAAN

Syukur dan terima kasih kepada Tuhan Yang Maha Esa atas limpah dan kurnia memberi kekuatan, semangat, buah fikiran dan idea serta kesabaran kepada penyelidik untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini dengan sempurna.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dekan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia Profesor Dr Amir Hasan Dawi dan Profesor Madya Dato' Dr Hj Abdul Latif Bin Hj Gapor selaku Penyelia Projek Sarjana ini atas segala tunjuk ajar, nasihat, bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh saya menyempurnakan projek ini.

Sekalung penghargaan untuk Profesor Dr Nagendralingan Ratnavadivel, Dr Abdul Aziz Bin Shukor, Dr Abdul Talib Mohd Hashim, Dr Nasir Bistaman dan Dr Noraini Mohamed Noh atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberikan Tajaan Biasiswa Yuran Pengajian.

Penghargaan terima kasih juga kepada Cik Yang Oi Lin selaku Pengetua SMK Bukit Assek Sibul, PK HEM Encik Pang Kai Jaih dan Guru-guru disiplin yang telah memberikan kerjasama sepanjang kajian dijalankan. Penghargaan seterusnya kepada suami dan anak-anak tersayang iaitu Jimbau Ak Galau, Shirley Sharina Jawai, Emmanuel Rentap, Sammuell Ungkan, Amila Suriana Lenti dan Jason Tan di atas sokongan dan dorongan yang diberikan.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak. Segala komitmen dan dorongan kalian masih segar dalam ingatan.





## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Assek Sibul Sarawak. Faktor-faktor yang dikaji adalah faktor sikap pelajar, faktor rakan sebaya, faktor ibu bapa dan faktor guru. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan melibatkan seramai 30 orang responden. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampel bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan. Kajian rintis yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Assek terhadap 30 orang responden dan nilai alpha cronbach adalah 0.81. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Science*) versi 21. Kolerasi Pearson, ANOVA, Ujian-t, Peratus, Min dan Sisihan Piawai telah digunakan untuk menguji persoalan kajian. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor sikap pelajar, faktor ibu bapa, faktor rakan sebaya dan faktor guru berdasarkan gender dan kaum. Dapatan kajian menunjukkan semua faktor mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah-pembolehubah yang lain kecuali hubungan antara faktor ibu bapa dengan faktor guru. Kajian ini mendapati faktor yang paling dominan yang menyebabkan gejala ponteng dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 adalah faktor guru.





## ABSTRACT

This study aims to identify the main factors that affect truancy among school students in Form 4 in the National Secondary School Bukit Assek Sibul, Sarawak. The factors studied were the attitudes of students, peers, parents and teachers. The study used a questionnaire as an instrument and involves a total of 30 respondents. Sampling method used was non-probability sampling purposive sampling. A pilot study conducted at the National Secondary School Bukit Assek among 30 respondents, and the Cronbach alpha was 0.81. The data were analyzed using SPSS software (Statistical Packages for Social Science) version 21. Pearson correlation, ANOVA, t-test, percentage, mean and standard deviation were used to test the research question. The results showed no significant difference between the attitudes of students, parents, peers and teachers by gender and race. The findings showed that all the factors have a significant relationship with the other variables except for the relationship between the parents and the teachers. This study found that the most dominant factor that caused truancy among students in Form 4 is the teachers.



## ISI KANDUNGAN

### Muka surat

**BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii

**PENGAKUAN** iii

**PENGHARGAAN** iv

**ABSTRAK** v

**ABSTRACT** vi

**ISI KANDUNGAN** vii

**SENARAI JADUAL** xiii

**SENARAI RAJAH** xvi

**SENARAI SINGKATAN** xvii

**SENARAI LAMPIRAN** xviii

**BAB 1 PENDAHULUAN** 1

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang 3

1.3 Pernyataan 5

1.4 Objektif Kajian 7

1.5 Persoalan Kajian 7

1.6 Hipotesis 8

1.7 Kepentingan Kajian 9

1.8 Limitasi 9

1.9	Definisi Operasional	10
1.9.1	Faktor	10
1.9.2	Sikap	10
1.9.3	Pelajar	11
1.9.4	Ibu Bapa / Keluarga	12
1.9.5	Rakan sebaya	13
1.9.6	Guru	13
1.9.7	Ponteng	14
1.10	Kerangka Teori Kajian	15
1.11	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.12	Kesimpulan	17

<b>BAB</b>	<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATURE</b>	<b>18</b>
2.1	Pengenalan	18	
2.2	Konsep Ponteng	19	
2.3	Faktor-Faktor Ponteng Sekolah	20	
2.3.1	Faktor Sikap Pelajar	20	
2.3.2	Faktor Ibu Bapa	21	
2.3.3	Faktor Rakan Sebaya	22	
2.3.4	Faktor Guru	22	
2.4	Teori Punca Salah Laku dan Masalah Sosial	23	
2.4.1	Teori Anomie Merton	24	
2.4.2	Teori Peluang	25	



2.4.3	Teori Instruksional Simbolik	25	
2.4.4	Teori Label	26	
2.4.5	Teori Penyaluran Budaya	27	
2.5	Kajian Berkaitan Dengan Gejala Ponteng	27	
2.5.1	Faktor Sikap Pelajar	28	
2.5.2	Faktor Ibu Bapa/ keluarga	30	
2.5.3	Faktor Rakan Sebaya	33	
2.5.4	Faktor Guru	35	
2.6	Kajian Lepas Dalam Negara	36	
2.7	Kajian Lepas Luar Negara	39	
2.8	Kesimpulan	41	
<b>BAB</b>	<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>42</b>
	3.1	Pengenalan	42
	3.2	Reka Bentuk Kajian	43
	3.3	Tempat Kajian	44
	3.4	Sampel Kajian	44
	3.5	Instrumen Kajian	45
	3.6	Prosedur Kajian	47
	3.7	Kajian Rintis	48
	3.8	Analisis Data	49
	3.9	Kesimpulan	51
<b>BAB</b>	<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>52</b>

4.1	Pengenalan	52
4.2	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	53
4.2.1	Jantina	53
4.2.2	Kaum / Etnik	54
4.2.3	Status Penjagaan	55
4.2.4	Bilangan Adik- Beradik	56
4.2.5	Tahap Pendidikan Bapa / Penjaga	57
4.2.6	Tahap Pendidikan Ibu / Penjaga	58
4.2.7	Pekerjaan Bapa / Penjaga	59
4.2.8	Pekerjaan Ibu / Penjaga	60
4.2.9	Pendapatan Ibu Bapa / Penjaga	61
4.2.10	Jarak Sekolah dari rumah	62
4.2.11	Pengangkutan ke sekolah	63
4.3	Analisis Deskriptif Pembolehubah	64
4.3.1	Faktor Sikap Pelajar	64
4.3.2	Faktor Rakan sebaya	67
4.3.3	Faktor Ibu Bapa	70
4.3.4	Faktor Guru	73
4.4	Analisis Deskriptif berkaitan dengan pandangan responden melalui soalan terbuka	76
4.5	Analisis Inferensi faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng	78

4.5.1	Perbezaan Faktor Sikap Pelajar berdasarkan jantina	78
4.5.2	Perbezaan Faktor Rakan sebaya berdasarkan jantina	79
4.5.3	Perbezaan Faktor Ibu Bapa berdasarkan jantina	80
4.5.4	Perbezaan Faktor Guru berdasarkan jantina	81
4.6	Analisis Inferensi Perbezaan Pembolehubah Kajian Berdasarkan Kaum	82
4.6.1	Perbezaan Faktor Sikap Pelajar Berdasarkan kaum	82
4.6.2	Perbezaan Faktor Rakan sebaya berdasarkan kaum	83
4.6.3	Perbezaan Faktor Ibu Bapa berdasarkan kaum	84
4.6.4	Perbezaan Faktor Guru berdasarkan kaum	85

4.7	Analisis Inferensi Hubungan Antara Faktor Sikap Pelajar, Rakan Sebaya, Ibu Bapa dan Guru	86
4.7.1	Hubungan antara faktor sikap dengan rakan sebaya	86
4.7.2	Hubungan antara faktor rakan sebaya dengan Ibu Bapa	87
4.7.3	Hubungan antara faktor ibu bapa dengan guru	88
4.8	Analisis Inferensi Hubungan Antara Faktor Sikap Pelajar, Ibu Bapa dan Guru	89
4.8.1	Hubungan antara sikap pelajar dengan ibu bapa	89
4.8.2	Hubungan antara faktor sikap pelajar dengan guru	90
4.9	Analisis Inferensi Hubungan Antara Faktor Guru Dengan Rakan Sebaya	91

	4.10	Kesimpulan	92
<b>BAB</b>	<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>95</b>
	5.1	Pengenalan	95
	5.2	Rumusan kajian	95
	5.3	Perbincangan	99
	5.3.1	Persoalan 1:  Sejauh manakah faktor sikap pelajar, rakan sebaya dan guru Mempengaruhi Gejala Ponteng Sekolah Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4?	99
	5.3.2	Persoalan 2:  Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jantina Dalam Gejala Ponteng Sekolah?	102
	5.3.3	Persoalan 3:  Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Kaum Dalam Gejala Ponteng Sekolah?	103
	5.3.4	Persoalan 4:  Adakah Terdapat Hubungan Antara Faktor Sikap Pelajar, Rakan Sebaya, Ibu Bapa Dan Guru?	104
	5.4	Implikasi Kajian	105
	5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	108
	5.6	Kesimpulan	109
<b>BIBLIOGRAFI</b>			<b>110</b>
<b>LAMPIRAN</b>			<b>115</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Bilangan Sampel Mengikut Jantina	45
3.2 Skala Likert	45
3.3 Tahap penilaian responden berdasarkan min	46
3.4 Kandungan item-item soal selidik	46
3.5 Nilai alpha bagi kajian rintis	49
4.1 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina responden	53
4.2 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut kaum	54
4.3 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut status pengjagaan	55
4.4 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bilangan adik-beradik	56
4.5 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut tahap pendidikan bapa /penjaga	57
4.6 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut tahap pendidikan ibu/ penjaga	58
4.7 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan bapa/ penjaga	59



- 4.8 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan ibu/penjaga 60
- 4.9 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pendapatan bulanan ibu bapa/ penjaga 61
- 4.10 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jarak sekolah dari rumah 62
- 4.11 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengangkutan ke sekolah 63
- 4.12 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor sikap pelajar 64
- 4.13 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor rakan sebaya 67
- 4.14 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor ibu bapa 70
- 4.15 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor guru. 73
- 4.16 Taburan kekerapan dan peratusan responden melalui soalan terbuka soal selidik 76
- 4.17 Analisis ujian-t sampel bebas perbezaan faktor sikap pelajar berdasarkan jantina 78
- 4.18 Analisis ujian-t sampel bebas perbezaan faktor rakan sebaya berdasarkan jantina 79
- 4.19 Analisis ujian-t sampel bebas faktor ibu bapa berdasarkan jantina 80
- 4.20 Analisis ujian-t sampel bebas faktor guru berdasarkan jantina 81
- 4.21 Analisis ANOVA sehala perbezaan faktor sikap pelajar berdasarkan kaum 82
- 4.22 Analisis ANOVA sehala perbezaan faktor rakan sebaya berdasarkan kaum 83



- 4.23 Analisis ANOVA sehala perbezaan faktor ibu bapa berdasarkan kaum 84
- 4.24 Analisis ANOVA sehala perbezaan faktor guru berdasarkan kaum 85
- 4.25 Analisis Kolerasi Pearson untuk hubungan antara faktor sikap pelajar dengan rakan sebaya 86
- 4.26 Analisis Kolerasi Pearson untuk hubungan antara faktor rakan sebaya dengan ibu bapa 87
- 4.27 Analisis Kolerasi Pearson untuk hubungan antara faktor ibu bapa dengan guru 88
- 4.28 Analisis Kolerasi Pearson untuk hubungan antara faktor sikap pelajar dengan ibu bapa 89
- 4.29 Analisis Kolerasi Pearson untuk hubungan antara faktor sikap pelajar dengan guru 90
- 4.30 Analisis Kolerasi Pearson untuk hubungan antara guru dengan rakan sebaya 91
- 4.31 Perbandingan faktor sikap pelajar, rakan sebaya, ibu bapa dan guru yang mempengaruhi ponteng sekolah 92

## SENARAI RAJAH

### Rajah

### Muka Surat

- |     |   |    |
|-----|---|----|
| 1.1 | Kerangka Teori Kajian Tentang Faktor-faktor Yang Mempengaruhi<br>Gejala Ponteng Sekolah | 15 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian Tentang Faktor-Faktor Yang<br>Mempengaruhi Ponteng Sekolah   | 16 |



## SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPSS	Statistical Packages for Social Sciences
ASCQ	Academic Self-Concept Question
EPRD	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### TAJUK

A	Borang Soal Selidik	115
B	Surat Kebenaran UPSI	121
C	Surat Kebenaran EPRD	122
D	Surat Kebenaran JPN Sarawak	123
E	Surat Kebenaran SMK Bukit Assek Sibul	124

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan perkara yang utama yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu dan menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan kehidupan masa depan. Pendidikan juga mendasari proses pembangunan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi yang merupakan faktor kritikal bagi menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah Negara (Tan Sri Abd. Ghafar; PPPM 2013-2025).

Bagi menangani cabaran abad ke 21, maka Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 telah menetapkan sasaran yang perlu dicapai oleh setiap individu iaitu dari segi kualiti, ekuiti dan akses dalam tempoh 13 tahun. Di samping itu, Sistem pendidikan kini berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, berkemahiran serta berfikiran kritis dan kreatif.

Bagi merealisasikan matlamat pendidikan iaitu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikiran kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Selain itu, setiap pelajar perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni, etika dan rasa tanggung jawab sebagai warga Negara.

Walau bagaimana pun, masalah sosial dan salah laku pelajar semakin menjadi dan membimbangkan kebelakangan ini. Perangkaan Kementerian Pelajaran Malaysian (KPM) pada tahun 2006 menunjukkan seramai 24,840 pelajar terlibat dengan kesalahan ponteng sekolah. Perangkaan KPM pada tahun 2006 juga menunjukkan 18,360 kes dilaporkan melibatkan kesalahan berunsur jenayah seperti mencuri, mencederakan pelajar, bergaduh dan kes pukul (Nurzaimah, Ezarina & Haris; 48:2013)

Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku dan personaliti pelajar. Kelemahan pengurusan sekolah merupakan punca berlakunya masalah disiplin. Selain itu, guru-guru yang tidak memberi kerjasama dengan guru disiplin dalam menangani masalah



disiplin juga menyebabkan masalah disiplin meningkat. Justeru, pihak sekolah perlu memperhalusi lagi sistem yang sedia ada bagi menangani masalah disiplin.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pada hakikatnya, sistem pendidikan di Malaysia merupakan sistem yang terbaik di rantau ini dan dapat menandingi negara-negara lain. Walau bagaimana pun, terdapat beberapa perkara yang mungkin menjadi penghalang kepada kecemerlangan dan keberkesanan sistem pendidikan Malaysia. Antaranya adalah kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah pada tahap yang amat membimbangkan. Kesungguhan semua pihak menangani masalah ini disokong sepenuhnya dan bukannya dilemparkan dengan kritikan yang hanya akan memadamkan semangat untuk memperbaiki keadaan. Sufean Hussin (1993), menyatakan bahawa salah laku ponteng masih berlaku dengan ketara walaupun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang digubal telah dilaksanakan sejak tahun 1989. Menurut Yaakub Hj. Yusof (1997) menyatakan 50 % pelajar yang mempunyai masalah sama ada di rumah atau di sekolah.

Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar seramai 2,332 pelajar dibuang sekolah di seluruh Negara dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini kerana pelbagai kesalahan tingkah laku. Dalam tempoh yang sama 3,184 lagi pelajar digantung sekolah (Harian Metro:30 Julai 2006). Sejak





Januari hingga Mei 2005, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerima aduan mengenai salah laku murid. KPM telah membuat pemantauan salah laku di 1,366 buah sekolah di seluruh Negara. Jumlah itu merangkumi 718 buah sekolah rendah dan 648 buah sekolah menengah. Pemantauan ini dilakukan bagi memastikan pihak sekolah mengambil langkah yang telah disarankan bagi mengatasi masalah salah laku disiplin dalam kalangan murid mereka (Berita Harian:20 Mei 2003) dalam (Nor'ashikin, 2011:2)

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang berfungsi dan bukan sahaja melahirkan insan yang berilmu tetapi melahirkan insan yang bersahsiah tinggi. Di sekolah pelajar-pelajar datang daripada pelbagai latar belakang sosial, ekonomi dan budaya. Secara tidak langsung pengaruh persekitaran akan membentuk latar belakang pelajar-pelajar tersebut. Oleh yang demikian, bagi memudahkan lagi pengurusan dan pentadbiran di sekolah maka wujudlah peraturan-peraturan sekolah.

Setiap pelajar akan bertanggungjawab terhadap peraturan-peraturan sekolah. Dalam pengertian yang lebih luas dan bermakna, disiplin membantu pelajar untuk belajar dengan lebih selesa, berinteraksi dengan lebih mesra dan lebih terarah serta bertanggungjawab. Peraturan-peraturan yang sedia ada adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah disiplin di sekolah. Sekiranya pelajar melanggar peraturan sekolah, maka tindakan disiplin akan dikenakan.



Utusan Malaysia dalam editorial nya menyatakan pelbagai kajian, analisis dan pandangan mengenai punca dan jalan penyelesaian telah diketengahkan bagi membendung masalah disiplin pelajar sejak dahulu hingga kini. Persoalan sekarang, jika semua punca dan cara untuk mengatasinya sudah digariskan, mengapa tindakan drastik dan keberkesanan tidak boleh diteruskan (Mohd Ismail Othman 2006:33).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, kes ponteng sekolah dalam kalangan pelajar semakin hangat diperkatakan. Hal ini dibuktikan oleh perangkaan dari Sektor Pembangunan Kemanusiaan Hal Ehwal Murid (2013), 11,408 kes ponteng bagi Sekolah Menengah dan 5,935 kes ponteng di Sekolah Rendah pada tahun 2012. Jika dibandingkan dengan masalah disiplin yang lain, kes ponteng menunjukkan kadar peratusan yang paling tinggi.

Sekiranya masalah ini berterusan, negara tidak akan mencapai matlamat seperti mana yang dikehendaki dalam Wawasan 2020 iaitu mewujudkan sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi perkerti yang luhur (Becker, 2003). Justru, semua pihak seharusnya menggembleng tenaga untuk mengkurangkan gejala ponteng

dalam kalangan pelajar sekolah. Ini disebabkan mereka merupakan tulang belakang kepada pembangunan Negara pada suatu hari nanti.

Pada tahun 2013, kehadiran keseluruhan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Assek ialah sebanyak 94.41 %. Manakala pada awal tahun 2014, peratus kehadiran keseluruhan adalah meningkat kepada 96.35% (Jan-April). Walau bagaimanapun seramai 30 orang pelajar tingkatan 4 telah dikenalpasti ponteng sekolah berdasarkan rekod kehadiran awal tahun ini.

Melalui pemerhatian penyelidik masalah ponteng adalah berpunca dari pelbagai faktor seperti faktor sikap pelajar, ibu bapa, rakan sebaya dan guru.

Segelintir pelajar yang ponteng sekolah menghadapi banyak masalah seperti persekitaran tempat tinggal dan sosio ekonomi keluarga yang berpendapatan rendah dan tidak dapat menyediakan keperluan asas yang mencukupi terutamanya ibu bapa yang mempunyai bilangan anak yang ramai.

Masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar merupakan suatu fenomena yang sering kali berlaku dipelbagai peringkat iaitu dari Sekolah Rendah hingga ke peringkat Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, pelajar sekolah menengah yang berusia antara 14 tahun hingga 16 tahun mencatatkan kes yang tertinggi. Berdasarkan kepada apa yang dinyatakan di atas maka satu kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ponteng dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di SMK Bukit Assek dilaksanakan.



## 1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Objektif khusus kajian yang dijalankan bertujuan untuk:

1. Menenal pasti sejauh mana faktor sikap pelajar, faktor ibu bapa, faktor rakan sebaya dan faktor guru mempengaruhi ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di SMK Bukit Assek.
2. Menenal pasti perbezaan faktor-faktor ponteng sekolah mengikut jantina.
3. Menenal pasti perbezaan faktor-faktor ponteng sekolah mengikut kaum.
4. Menenalpasti hubungan antara faktor sikap pelajar dengan faktor ibu bapa, guru dan rakan sebaya yang mempengaruhi gejala ponteng sekolah.

## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat dengan tujuan untuk menjawab empat persoalan utama iaitu:

1. Sejauh manakah faktor sikap pelajar, faktor ibu bapa, faktor rakan sebaya dan faktor guru yang mempengaruhi gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di SMK Bukit Assek?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dalam gejala ponteng sekolah?

3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum dalam gejala ponteng sekolah?
4. Adakah terdapat hubungan antara faktor sikap pelajar, ibu bapa, rakan sebaya dan guru yang mempengaruhi ponteng sekolah?

## 1.6 Hipotesis

Berdasarkan tujuan dan persoalan di atas, maka sebanyak lima hipotesis null dalam kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut.

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dalam gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum dalam gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.

Ho 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap pelajar, rakan sebaya, ibu bapa dan guru yang mempengaruhi gejala ponteng sekolah.

Ho 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ibu bapa, rakan sebaya dan guru yang mempengaruhi gejala ponteng sekolah.

Ho 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor guru dan rakan sebaya yang mempengaruhi ponteng sekolah.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan dari kajian ini juga akan memberi input kepada pihak sekolah terutamanya Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Guru Disiplin, Kaunselor dan Guru Tingkatan tentang punca-punca berlakunya masalah ponteng sekolah. Seterusnya, hasil kajian ini mengharapkan agar pihak sekolah akan merancang dan melaksanakan program intervensi untuk menangani masalah ponteng sekolah dengan berkesan.

Di samping itu, penyelidik mengharapkan agar kajian ini dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa betapa penting nya tanggungjawab mereka dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak dari peringkat awal, mengetahui perkembangan anak di sekolah dan menggalakkan anak-anak terlibat dengan aktiviti yang berfaedah. Selain itu, kajian ini diharapkan agar dapat membanteras gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar di SMK Bukit Assek.

## 1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya dilaksanakan ke atas sebuah sekolah menengah harian biasa yang melibatkan pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Assek, Sib. Bagi memudahkan kajian, responden yang terlibat adalah

terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat yang tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap faktor sikap pelajar, ibu bapa, rakan sebaya dan guru. Walaupun masalah ponteng sekolah berlaku di semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia tetapi kajian ini hanya dijalankan di Sekolah Menengah Kerajaan Bukit Assek, Sibul. Justeru, kajian ini tidak wajar dijadikan sebagai suatu perbandingan dengan sekolah-sekolah lain walaupun fenomena yang sama berlaku.

## 1.9 Definisi Operasional

Pengkaji menggunakan beberapa istilah penting di dalam kajian ini.

Antaranya adalah seperti berikut:

### 1.9.1 Faktor

Unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil (Kamus Dewan edisi keempat, 2007:405.)

### 1.9.2 Sikap

Kamaruddin (1997), mentakrifkan sikap sebagai pembawaan seseorang yang dipengaruhi oleh emosi untuk bertindak balas dengan cara-cara tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, isu-isu tertentu atau benda-benda.

Sikap adalah berpunca daripada desakan dalaman yang terbit daripada keinginan dan rangsangan kumpulan.

Menurut Sufean Hussin (1993), sikap merupakan perasaan (feelings) tentang sesuatu keadaan, fenomena dan objek. Ia tidak mempunyai darjah kesepaduan seperti nilai. Sikap positif lahir dari kesedaran tentang perimustahaknya memenuhi sesuatu keinginan peribadi dan sosial, sementara sikap negatif lahir apabila individu memandang rendah tentang kemahuan peribadi dan sosial. Sikap adalah manifestasi nilai seseorang tentang sesuatu keadaan fenomena dan objek (Madiyah, 2009:7).

Mengikut Woodworth (1940), sikap ialah satu set atau resmi (kesediaan, kecondongan dan kecenderungan) untuk bertindak ke arah satu objek mengikut ciri-cirinya setakat mana kita sudah biasa dengannya. Beliau menyatakan bahawa apabila sesuatu sikap itu tidak cergas ianya dipanggil 'resmi' dan apabila satu sikap itu mengandungi perasaan yang kuat yang disebut sebagai 'sentimen' (Madiyah, 2009:8).

### 1.9.3 Pelajar

Pelajar adalah merujuk kepada sekumpulan murid atau individu yang menuntut ilmu di institusi pendidikan formal. Menurut kamus Dewan

(2007:21), pelajar adalah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya. Ahmad Redzuan (2003), menyatakan bahawa pelajar bermaksud sesiapa yang berada di bangku sekolah dan bertujuan untuk mendapatkan pelajar secara formal sama ada di sekolah menengah atau sekolah rendah.

Menurut Kamus Oxford (2004), pelajar ditakrifkan sebagai individu yang melibatkan diri dalam pelajaran seperti penuntut sekolah, kolej dan universiti. Awang Ahmad Husin (1986), pula mengistilahkan pelajar sebagai individu yang mendaftarkan diri untuk hadir ke sekolah bagi mengikuti pelajaran yang hendak dipelajari. Dalam kajian ini, pelajar yang dipilih adalah pelajar tingkatan empat yang bermaksud pelajar yang baru tamat Penilaian Menengah Rendah (PMR).

#### 1.9.4 Ibu bapa / Keluarga

Menurut Morrish (1978), keluarga dikategorikan kepada dua jenis iaitu keluarga dalam pengertian luas dan keluarga asas. Keluarga dalam pengertian luas ialah merangkumi tiga generasi tinggal serumah iaitu anak-anak, ibu bapa, datuk nenek dan saudara mara yang lain. Keluarga asas pula terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak. Gpeda (1988), menyatakan keluarga adalah satu unit sosial yang terdiri daripada ibu bapa dan anak.

### 1.9.5 Rakan Sebaya

Ahli sosiologi mengistilahkan rakan sebaya sebagai kumpulan kanak-kanak atau remaja yang mempunyai lingkungan umur yang sama (Hazil Abdul Hamid (1990:89). Kumpulan rakan sebaya ini memainkan peranan yang penting dalam aktiviti sosial. Ia merupakan agensi tidak formal yang memberikan pengalaman yang tidak dapat diperolehi daripada keluarga.

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007:1273), rakan adalah sahabat, handai, taulan, teman sepermainan semasa kanak-kanak. Sementara rakan dalam kajian ini adalah teman atau sahabat persekolahan.

### 1.9.6 Guru

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:492), guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Dalam kajian ini guru adalah bermaksud seseorang individu yang menjadi tenaga pengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah kajian yang di laksanakan.

Kamarudin (2004), menyatakan guru merupakan tenaga pengajar dan perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut strategi pengajaran yang sesuai.

### 1.9.7 Ponteng


Ponteng sekolah adalah salah satu masalah disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar sekolah setiap hari. Ponteng sekolah didefinisikan sebagai perbuatan yang menjauhkan diri daripada sekolah tanpa keizinan guru dan ibu bapa (Mohd. Nor bin Long,1992:2). Masalah ponteng ini semakin hari semakin meningkat akibat dari faktor-faktor luar. Sebenarnya masalah ponteng ini akan menyusahkan guru-guru, ibu bapa dan masyarakat.

Ponteng merupakan satu perbuatan salah laku yang melanggar peraturan sekolah. Ini bermaksud seseorang pelajar dianggap ponteng sekiranya tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang dibenarkan pada hari persekolahan. Ponteng kelas adalah tindakan seseorang pelajar yang tidak mengikuti sesuatu pelajaran pada waktu yang sepatutnya berada di dalam kelas. Oleh yang demikian, ponteng merupakan istilah yang digunakan bagi merujuk kepada apa juga kegagalan menghadiri kelas di sekolah secara sengaja tanpa alasan yang munasabah.

Menurut kamus Dewan edisi keempat (2007:1225), ponteng didefinisikan sebagai lari tanggung jawab atau tugas tanpa kebenaran. Selain itu, ponteng juga merujuk kepada pelajar yang menghadiri sekolah tetapi tidak menghadiri kelas, sama ada salah satu kelas, beberapa kelas ataupun kesemua kelas dalam satu-satu hari.




## 1.10 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Teori yang mempengaruhi ponteng

Kerangka teori ini adalah bersandarkan Teori Anomie Robert Merton (1938) yang menekankan lima kategori salah laku iaitu konformiti, inovatif, ritualism, retreatrism (pengunduran) dan rebellion (pemberontakkan). Ketidaktentuan adalah antara penekanan masyarakat bagi mencapai sesuatu matlamat akan membenarkan individu untuk mencapai matlamat melalui pelbagai cara. Pemikiran teori ini bersesuaian dengan matlamat utama kajian yang dijalankan iaitu penyelidik ingin mengetahui apakah yang mendorong seseorang melakukan jenayah.

### 1.11 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian Tentang Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Ponteng Sekolah.

Bagi kerangka konseptual kajian ini, pembolehubah tidak bersandar adalah faktor-faktor ponteng iaitu sikap pelajar, ibubapa, guru dan rakan sebaya. Kajian yang mempunyai perbezaan dari segi jantina dan kaum. Manakala pembolehubah bersandar adalah ponteng. Rajah 1.2 adalah menunjukkan pembolehubah-pembolehubah dalam kajian.

## 1.12 Kesimpulan

Masalah ponteng sekolah bukanlah merupakan masalah sosial yang baru dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Secara ringkasnya, bab ini akan membincangkan tentang faktor-faktor dalaman dan luaran. Pengkaji akan mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi ponteng sekolah seperti faktor sikap pelajar, ibu bapa, rakan sebaya dan guru. Keempat-empat faktor tersebut akan dihuraikan berdasarkan bukti daripada kajian-kajian yang lepas.